

25 APR 2002

Mahathir-Agong

MALAYSIA TERUS DOKONG ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan terus mendokong Islam sebagai agama rasmi negara dan memastikan ia tidak diselewengkan untuk kepentingan mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata bahawa dalam pada itu, kerajaan tetap menjamin kebebasan beragama bagi penganut agama-agama lain.

"Sebagai agama yang suci, kerajaan akan memastikan agama Islam tidak dicemar atau dihina. Mana-mana pihak yang cuba menggunakan Islam untuk tujuan peribadi serta politik akan dikenakan tindakan oleh kerajaan," kata Dr Mahathir dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, di Istana Negara.

Perdana Menteri berkata tindakan tegas oleh kerajaan itu perlu bagi mengelakkan umat Islam di negara ini menjadi lemah dan porak poranda.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah membuktikan kepada dunia bahawa negara Islam boleh maju apabila berpegang teguh dan mengamalkan ajaran Islam yang asas dan benar.

"Agama Islam bukan penghalang kemajuan. Yang menghalang ialah orang Islam yang tidak mematuhi ajaran Islam berkenaan dengan penguasaan ilmu dan perimbangan antara dunia dan akhirat," katanya.

Beliau berkata apabila orang Islam sengaja menyalahafsir agama Islam untuk kepentingan diri mereka dapat diketepikan, maka umat Islam dan negara Islam tetap akan mencapai kejayaan.

"Inilah yang telah dibuktikan oleh Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan sedar akan kewujudan anasir-anasir jahat sama ada dalam atau luar negara yang tidak menyenangi kemajuan Malaysia dan cuba menjatuhkan negara ini dengan menimbulkan huru-hara dan menggugat perpaduan rakyat yang berbilang kaum.

"Terdapat pihak-pihak tertentu yang berselindung di sebalik pertubuhan-pertubuhan NGO dan parti-parti politik yang menggunakan isu-isu perkauman dan keagamaan dalam usaha mereka untuk mempengaruhi rakyat supaya menentang segala usaha dan dasar kerajaan untuk membina negara ke arah keamanan, kemajuan dan kemakmuran," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang negara untuk membanteras dan menyekat usaha dan perbuatan jahat golongan itu sekiranya ia mengancam keamanan dan membahayakan keselamatan negara.

Kerajaan sudah membuktikan ketegasannya apabila ia bertindak mengikut undang-undang yang sedia ada untuk membanteras dan menyekat beberapa kumpulan militan yang cuba menimbulkan huru-hara dan keganasan dalam negara.

Perdana Menteri berkata terdapat juga negara-negara luar mengambil kesempatan daripada peristiwa 11 Sept tahun lepas untuk menuduh Malaysia sebagai pangkalan pengganas.

Akhbar dan majalah mereka telah melaporkan berita-berita yang tidak berasas mengenai kegiatan pengganas-pengganas antarabangsa di dalam negara ini. Mereka telah memberi gambaran kononnya keganasan sekarang berpunca dari Malaysia.

"Sebenarnya mereka berniat buruk. Tujuan mereka ialah untuk melihat Malaysia bermasalah dan tidak dapat dimajukan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun dunia dilanda pelbagai krisis ekonomi, politik dan keganasan, Malaysia dengan usaha sendiri, terus berkembang maju.

"Tanpa sebarang pertolongan mana-mana pihak dari luar, kerajaan Tuanku telah berjaya menangani pelbagai masalah terutama tekanan ekonomi seperti kewangan dan ancaman keselamatan dalam negara oleh puak-puak militan dan mereka yang

terpesong daripada ajaran agama," katanya.

Kerajaan telah mengadakan pelbagai strategi dan cara untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negara sewaktu ekonomi dunia mengalami kemerosotan baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata kekuatan ekonomi negara ini adalah disebabkan ekonomi negara yang pelbagai dan membuktikan langkah kerajaan mempelbagaikan ekonomi Malaysia sebagai tepat dan berkesan.

"Memang benar sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia bergantung pada dunia luar untuk kejayaan ekonominya. Tetapi kebijaksanaannya mengatur langkah mengatasi sebarang kesan negatif dari luar terhadap ekonominya telah meletakkan Malaysia lebih jauh ke hadapan dalam ekonomi dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata kemajuan negara juga disumbangkan oleh kejayaan kerajaan mengekalkan perhubungan yang harmoni antara rakyat yang berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama.

Beliau berkata sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, keharmonian dan keamanan yang dinikmati sekarang bukanlah terjadi dengan sendirinya.

"Sebenarnya kerajaan dan rakyat jelata telah berusaha bersungguh-sungguh sepanjang masa untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian rakyat," katanya.

-- BERNAMA

NM AZH MAI